

LATIHAN TATABAHASA

BAHAGIAN B

PRAKTIS 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Peristiwa semasa berkhemah di Taman Negara itu meninggalkan kenangan manis yang sukar dilupakan olehku.

2. Datuk sering menceritakan tentang kesusahan penduduk Tanah Melayu pada zaman penjajahan Jepun.

3. Aiman memasukkan setandan pisang ke dalam sangkar burung kakak tua itu.

4. Guru kelas-guru kelas perlu meminta murid membersihkan kelas sebelum sesi pembelajaran bermula.

5. Dompot yang diperbuat dari kulit buaya itu sangat mahal sekali harganya.

6. Pengemis itu tidur berbantalkan dengan lengan di kaki lima jalan.

7. Ibu sangat suka akan mini telekung yang dihadiahkan oleh ayah kerana sangat halus buatannya.

8. Terdapat segelintir murid-murid suka melepak di pusat beli-belah terkenal itu.

9. Sultan berkenan menganugerahkan pingat kebesaran kepada individu tertentu sempena sambutan hari kelahiran baginda.

10. Penampilan Alia yang sangat anggun di dalam majlis makan malam itu menarik perhatian tetamu lain.
